

03/05/1997

Harap hubungan KL-London kian mantap

SELEPAS enam minggu berkempen, parti Buruh pimpinan Tony Blair, 43, membuktikan rakyat Britain mahukan perubahan bagi mengakhiri pemerintahan 18 tahun parti Konservatif yang dipimpin John Major.

Ini adalah kekalahan paling besar Konservatif sejak setengah abad lalu. Blair yang menang di kawasan pilihan raya Sedgefield memberi keyakinan kepada penyokong bahawa 'anda memberi keyakinan kepada saya dan saya akan membayar semula keyakinan itu. Saya tidak akan mengecewakan anda.' Kata-kata itu menunjukkan wujud ketidakpercayaan rakyat Britain terhadap kerajaan Konservatif, terutama kepada Major yang dilihat kian lemah berikutan beberapa dasar yang dilaksanakannya tidak mendapat sokongan partinya sendiri. Yang pasti, Major terpaksa keluar dari No 10 Downing Street kerana itu adalah kehendak rakyat Britain.

Sebagai rakan di Eropah paling rapat, kita mengucapkan tahniah kepada Blair dan berharap hubungan kedua-dua negara bertambah mantap. Ketika Major memimpin Britain, malah sewaktu Margaret Thatcher, ada kalanya hubungan Malaysia-Britain renggang hingga menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengendurkan hubungan dengan negara itu. Kita berharap Blair belajar daripada kesilapan kerajaan Britain yang lalu.

Dalam tempoh kempen, ramai pemimpin Konservatif sendiri menganggap Major akan mengalami kekalahan. Mereka mencemuh dasar Major dan pemimpin mengelilinginya yang bergelumang dengan skandal seks dan rasuah. Ini diikuti dengan kajian pandangan umum yang menunjukkan kemenangan sentiasa berpihak kepada parti Buruh.

Kesan psikologi ini jelas menunjukkan bahawa rakyat Britain mahu parti Konservatif dijatuhkan menerusi kuasa undi. Kerajaan Major tidak dapat menahan gelombang perubahan rakyat berikutan pelbagai masalah dalaman yang dihadapinya termasuk 'perang saudara' dengan rakan Eropah lain dan skandal pemimpin partinya.

Major mendapat tentangan petani berhubung krisis ternakan lembu. Ini berikutan laporan ahli sains pada Mac 1996 yang menyatakan kuman penyakit lembu gila mungkin merebak kepada manusia yang memakan daging dijangkiti kuman berkenaan.

Berikutan itu Kesatuan Eropah (EEU) melarang eksport daging dari Britain yang menyebabkan hubungan dengan negara berkenaan menjadi pudar. Manakala, pemilik harta kehilangan peluang mengumpul harta berikutan kejatuhan harga pasaran hartanah.

Major juga dikecam kerana dasar penswastaan industri gas dan air kerana dimonopoli oleh segelintir usahawan. Agenda Blair untuk membawa perubahan kepada Britain menjadi kenyataan.

Selain Major, beberapa pemimpin kanan termasuk Setiausaha Pertahanan, Michael Portillo; Setiausaha Luar, Malcolm Rifkind; dan Setiausaha Perdagangan, Ian Lang di samping beberapa pimpinan kanan Konservatif, turut tewas.

Faktor personaliti juga mendorong kekalahan teruk Konservatif terutama apabila rakyat membezakan perawakan Blair dan Major. Blair ditonjolkan lebih bijak daripada Major.

Kita melihat kekalahan kerajaan pimpinan Major tidak jauh bezanya dengan kekalahan parti Buruh yang ditumbangkan Konservatif pimpinan Thatcher pada 1979. Malah punca kekalahan juga sama iaitu berlaku perselisihan sesama sendiri dalam beberapa isu membabitkan Eropah dan soal mata wang tunggal Eropah. Isu perkhidmatan kesihatan yang tidak memuaskan hati rakyat turut

menjadi isu utama.

Umumnya, suasana pilihan raya kali ini tertumpu kepada isu dalam negara.

Meskipun begitu, kesan hubungan dengan rakan Britain dalam EU turut memberi kesan amat besar. Kita percaya pandangan umum di Britain bahawa pemerintahan 18 tahun Konservatif adalah terlalu panjang. Mereka mahu satu perubahan segera.

Dengan kemenangan ini, kedudukan parti Buruh dalam Parlimen begitu kuat berbanding kedudukan Konservatif lima tahun lalu. Dengan kemenangan lebih 400 daripada 659 kerusi Parlimen, parti Buruh tidak memerlukan sokongan mana-mana pihak untuk membentuk kerajaan sama ada daripada parti Liberal Demokrat atau calon bebas atau kemungkinan berlakunya lompat-melompat wakil Konservatif.

Pilihan raya kali ini menyaksikan Konservatif hilang hampir separuh daripada kerusinya. Kita percaya liku-liku yang dihadapi Major ketika mentadbir Britain sejak mengambil alih tugas Perdana Menteri daripada Thatcher sedikit sebanyak memberi kesan dalam keputusan pilihan raya kali ini.

Beliau memulakan babak pentadbirannya dengan kemenangan tipis dalam pilihan raya 1992 menerusi majoriti 21 kerusi saja.

(END)